

**PEMAPARAN JENIS AKHLAK MENERUSI KUMPULAN PUISI AS-SALAM KARYA
SUHAIMI HAJI MUHAMMAD BERDASARKAN TEORI TAKMILAH**

The Potrayal of Moral Types Through As- Salam Poetry Based on The Works of Suhaimi Haji Muhammad using Takmilah Theory

Siti Nur Anis Muhammad Apandi
nurams.m@umk.edu.my

Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, MALAYSIA

Rohayati Junaidi
rohayati@fbk.upsi.edu.my
Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA

Zainoren Zul
zainorenzul@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan, MALAYSIA

Eizah Mat Hussin
eizah@um.edu.my
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, MALAYSIA

Farrah Atikah Saari
atikah.s@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan, MALAYSIA

Nordiana Ab. Jabar
nordiana.aj@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan, MALAYSIA

Sudirman Kiffli
sudirman.k@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan, MALAYSIA

Suraya Sukri
suraya@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan, MALAYSIA

Mohd Firdaus Che Yaacob
firdaus.cy@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan, MALAYSIA

Nurulahda Sulaiman
nurulahda.s@umk.edu.my
Universiti Malaysia Kelantan, MALAYSIA

Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhammad Berdasarkan Teori Takmilah

Published: 13 May 2022

To cite this article (APA): Muhammad Apandi, S. N. A., Junaidi, R., Zul, Z., Mat Hussin, E., Saari, F. A., Ab. Jabar, N., Kiffli, S., Sukri, S., Che Yaacob, M. F., & Sulaiman, N. (2022). Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhammad Berdasarkan Teori Takmilah. *PENDETA*, 13(1), 47-57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.5.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.5.2022>

ABSTRAK

Suhaimi Haji Muhammad merupakan seorang pengkarya yang menekan unsur kerohanian dan keislaman di dalam puisi yang dihasilkan. Kajian ini menyentuh nilai moral dalam kelompok puisi Suhaimi Haji Muhammad dengan menerapkan Pendekatan Takmilah yang diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar. Pendekatan ini mengangkat sifat Kamal Allah dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan akan digunakan untuk mengkaji puisi Suhaimi Haji Muhammad. Teori Takmilah ini juga adalah bertunjang kepada konsep tauhid yang merupakan aspek penting dalam Islam. Melalui kajian ini menunjukkan bahawa pengkarya berjaya memberi pendedahan kepada khalayak bahawa pengkarya juga dapat menyampaikan dakwah serta memberi pengajaran kepada pembaca di dalam bentuk yang lebih indah dan kreatif. Pelbagai nilai dan pengajaran telah dibentangkan oleh pengkarya dalam puisi yang dihasilkan dan ianya telah memenuhi salah satu ciri elemen Kesusastraan Melayu, iaitu mengetengahkan unsur-unsur pendidikan kepada masyarakat.

Kata Kunci: akhlak mahmudah; nilai akhlak; teori takmilah; pendidikan melalui puisi

ABSTRACT

Suhaimi Haji Muhammad is a writer who emphasizes elements of Islam and spirituality in his poems. This study touches on the moral values in the poetry of Suhaimi Haji Muhammad by applying the Takmilah Approach developed by Shafie Abu Bakar. This approach raises the nature of Kamal Allah by using the principle stated in understanding the poetry of Suhaimi Haji Muhammad. Takmilah theory is centred on tawhid's concept, an essential essence in Islam. This study shows that the writer has successfully exposed to the audience that the writer managed to convey da'wah and lessons to the reader in a more beautiful and creative form. The writer has presented various values and teachings in the poems, and it has successfully fulfilled one of the elements of the Malay Literature, highlighting elements of education to the community.

Keywords: morals; moral values; takmilah theory; education through poetry

PENGENALAN

Menurut Shahidan, M. (2001:3) puisi merupakan kata-kata dalam susunan yang terindah. Puisi bukan sahaja indah dari segi bahasanya, tetapi juga mempunyai makna yang bernilai. Hal ini demikian kerana membaca puisi dapat memperluas dan memperdalam pengetahuan manusia tentang diri sendiri serta dunia sejagat dengan lebih menyeluruh. Oleh itu, puisi adalah penting untuk difahami oleh pembaca demi meningkatkan taraf pemikiran serta rohani seseorang atau sesebuah masyarakat. Hal ini kerana nilai-nilai positif yang terdapat dalam karya-karya sastera diyakini mampu untuk dijadikan sumber pendidikan akhlak manusia yang akhirnya dapat membentuk perpaduan bangsa (Amat, A. B., 2021:44).

Menurut pandangan Imam Al-Ghazali, ahli falsafah Islam terkemuka dunia telah menyatakan bahawa akhlak ialah sesuatu sifat yang tertanam di dalam jiwa seseorang yang menampilkan perbuatan-perbuatan secara spontan tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian (Mz, S. R., 2018:67). Apabila

perbuatan tersebut baik dan terpuji menurut syara' dan akal, perbuatan itu dinamakan akhlak yang mulia. Sebaliknya, apabila terkeluar perbuatan yang buruk, maka ia dinamakan akhlak yang buruk. Nasir, S. A. N. A. (2016:63) pula menyatakan bahawa akhlak merupakan sesuatu sifat yang berkisar pada tujuan hidup setiap muslim, iaitu menghambakan dirinya kepada Allah agar mendapat keredhaan-Nya, di dalam kehidupan di dunia serta di akhirat. Dengan keyakinan terhadap kebenaran wahyu Allah SWT dan sunnah Rasul-Nya, akhlak penting terutamanya di dalam memberikan pedoman utama bagi setiap muslim serta menanamkan rasa cinta terhadap kebesaran Allah. Selain itu, kajian ini juga mengangkat masalah isu keruntuhan akhlak di dalam masyarakat terutamanya golongan muda. Hal ini kerana, masyarakat Islam sedang mengalami perubahan sosial yang hebat hasil dari perubahan persekitaran dan teknologi yang semakin canggih. Perubahan sosial ini perlu dinilai oleh orang Islam menurut kaca mata syariah dengan meletakkan keredhaan Allah sebagai paksinya.

Perluasan kuasa teknologi dari masa ke masa dalam kehidupan manusia khususnya dalam era globalisasi telah menyebabkan timbulnya pelbagai konflik dan kesalahfahaman dalam masyarakat (Zulkiflee, Z., 2022:23). Sebagai umat Islam, kita seharusnya tidak mudah terpengaruh dengan sesuatu perkara yang baru dan sepatutnya bijak memanfaatkan teknologi agar tidak mudah terjerumus ke dalam gejala sosial. Imam Al Ghazali dalam kitab terjemahan *Ihya' Ulumiddin* (2016:24) menyatakan bahawa masyarakat Islam sudah banyak berubah dalam pelbagai aspek seperti sikap, pemikiran, gaya hidup, ekonomi, akhlak, seni dan budaya. Bertitik tolak dari itu, gaya hidup masyarakat lebih terdedah kepada aktiviti sosial sedangkan nilai-nilai akhlak dalam diri masyarakat semakin berkurangan kerana pengaruh dalam gejala sosial dan teknologi. Masalah keruntuhan akhlak remaja sering dikaitkan dengan perkembangan perindustrian dan pemodenan. Media massa juga menjadi penyebab utama keruntuhan akhlak anak muda yang mudah terpengaruh dengan perkara negatif yang ditonjolkan dalam media tersebut.

PERMASALAHAN KAJIAN

Suhaimi Hj Muhammad antara pengarang Melayu yang telah berjaya menghasilkan pelbagai kumpulan puisi Melayu yang mengandungi unsur didaktik kepada masyarakat. Gaya penulisan baharu yang telah dibawa oleh Suhaimi Hj. Muhammad juga dianggap sebagai suatu pembaharuan dalam genre puisi Melayu sehingga Ramli Isin menganggap puisi Suhaimi adalah reform teknik penulisan Melayu. Salah satu pembaharuan yang dibawa oleh Suhaimi. Muhammad telah menerapkan unsur-unsur kesufian menerusi karyanya sebagai medium dakwah kepada masyarakat. Bado *et.al* (2018: 54) menyatakan unsur akidah merupakan teras utama persoalan yang terkandung dalam puisi Suhaimi Hj. Muhammad dan ini menjadikan karya-karya puisi beliau tergolong dalam karya puisi yang bersifat kesufian. Meskipun demikian, masih ada lagi segelintir pendapat yang beranggapan kebanyakan karya puisi daripada Suhaimi tidak komunikatif disebabkan oleh unsur metafora atau perlambangan yang dibawa oleh Suhaimi menerusi karya puisinya agak sukar difahami oleh komuniti (Shahidan, Mohamad 2001:4). Situasi ini telah menimbulkan permasalahan dalam menilai keberkesanan kepada segelintir masyarakat untuk memahami unsur sinis atau mesej yang ingin disampaikan oleh penulis khususnya dalam konteks pendidikan akhlak kepada khalayak. Keadaan ini amat merugikan masyarakat kerana hasil penelitian mendapati karya-karya Suhaimi Hj. Mohamad sarat dengan mesej unsur akidah.

SOROTAN KAJIAN

Mz, S. R. (2018) menyatakan akhlak merupakan symbol kepada peradaban Islam dan menjadi dasar kepada kejayaan Islam. Hal ini demikian kerana, nilai-nilai yang ada pada akhlak diterap masuk dalam setiap aturan kehidupan masyarakat sama ada secara peribadi maupun pembentukan bangsa yang turut

Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhammad Berdasarkan Teori Takmilah

mengcakupi aspek sosio-budaya, ekonomi, politik mmahupun undang-undang. Umat Islam meyakini bahawa akhlak Rasulullah SAW adalah akhlak yang terbaik dan mempercayai bahawa Allah SWT mengutuskan baginda untuk menyempurnakan akhlak manusia di dunia. Definisi akhalak daripada Imam Al-Ghazali dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu *Al-Khuluq Al-Hasan* (akh�ak yang baik) dan *Al-Khuluq As-Sayy'i* (akh�ak yang buruk). Realiti sepanjang zaman. Akhlak manusia sememangnya terjadi dalam keadaan baik dan buruk. Keadaan ini menjadikan isu akhlak sering menjadi persoalan dan perhatian bagi setiap lapisan masyarakat. Untuk memiliki dan mengamalkan akhlak yang baik, seseorang individu harus memiliki tekad dan iltizam yang tinggi untuk menjadi manusia yang berkeperibadian mulia.

Jannah, M. (2019) menjelaskan bahawa pendidikan amat penting dalam pembentukan akhlak manusia. Dengan penerapan akhlak yang mulia, diyakini dapat membentuk karakter manusia yang beriman, bertakwa dan bijak dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. Justeru, pengukuhan yang jitu berkaitan akhlak yang selari dengan ajaran Islam amat penting untuk diterapkan dalam institusi kekeluargaan dan institusi pendidikan formal. Hal ini kerana, kedua-dua institusi ini merupakan tempat terawal manusia menerima pendidikan baik dari segi akademik dan sahsiah diri. Kegagalan dalam sistem pendidikan akan mengakibatkan kualiti sahsiah diri masyarakat semakin menurun dan boleh mengakibatkan berlakunya perkara-perkara negatif pada akhlak masyarakat seperti kerendahan moral, pornografi, kekerasan dan banyak lagi.

Nurjanah, K. (2019) menyatakan akhlak merupakan perkara penting bagi manusia selari dengan sifat manusia sebagai makhluk Tuhan yang paling sempurna berbanding makhluk yang lain. Setiap individu haru memiliki kesedaran bahawa kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan dengan akhlak. Keadaan ini menjadikan kepentingan akhlak bukan hanya tertumpu kepada kelangsungan kehidupan manusia secara individu malahan turut penting dan memberi kesan kepada kehidupan berkeluarga, masyarakat, negara dan juga tamadun bangsa. Justeru, setiap individu harus memahami jenis-jenis akhlak yang wujud dalam masyarakat. Menurut Islam, akhlak terdapat dalam dua jenis iaitu akhlak *mahmudah* (akh�ak baik) dan akhlak *mazmumah* (akh�ak buruk). Manusia harus mengetahui bahawa tindakan baik buruk yang diamalkan akan memberi kesan yang besar kepada kelangsungan hidup mereka. Justeru, elemen akhlak ini telah dibincangkan dan diketengahkan dalam pelbagai bentu media, salah satunya adalah melalui karya sastera. Perbincangan yang meluas berkaitan akhlak ini telah membuktikan bahawa perkara ini amat dititiberatkan dalam kehidupan manusia.

OBJEKTIF KAJIAN

- i) Menganalisis elemen dalam akhlak yang terdapat dalam puisi Suhaimi Haji Muhammad.
- ii) Menerangkan faktor keruntuhan akhlak yang terdapat dalam puisi terpilih Suhaimi Haji Muhammad.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mempraktikkan pendekatan kualitatif deskriptif sebagai asas penyelidikan. Sebuah naskah yang mengandungi puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad digunakan secara tunggal bagi kutipan data analisis. Proses kutipan data berkaitan pemupukan akhlak Islam menerusi puisi-puisi terpilih adalah secara petikan set puisi dan eksposisi eksposisi yang sesuai bagi menjawab objektif kajian. Penelitian ini juga menggunakan kaedah sorotan kajian atau *literature review* terhadap bahan-bahan yang selari dengan bidang penyelidikan. Pelbagai bahan telah diteliti bagi memahami konsep akhlak sebenar manusia berdasarkan perspektif Islam. Lanjutan kajian diteruskan lagi dengan kaedah penerapan pendekatan kajian

dalam proses analisis data yang telah dikutip berdasarkan puisi-puisi terpilih. Prinsip *takamul* dalam teori Takmilah telah menjadi asas utama dalam proses analisis dalam kajian ini.

Pendekatan Kajian

Pendekatan Takmilah diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar, pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu (JPM) Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Teori ini dianggap satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan terhadap analisis dan kritikan bersandarkan kepada konsep tauhid. Shafie Abu Bakar (1996) menerusi Mana Sikana menggariskan tujuh prinsip menerusi pendekatan ini. Antaranya (1) prinsip ketuhanan yang bersifat kamal, (2) kerasulan sebagai insan Kamil, (3) prinsip keislaman yang bersifat Akmal (4) ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, (5) prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah, (6) prinsip pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan (7) prinsip yang terakhir bertujuan memupuk khalayak ke arah insan kamil. Meskipun antara ketujuh-tujuh prinsip tersebut menggunakan kosa kata yang berbeza bagi setiap prinsip, namun matlamat bagi semua prinsip yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar ini mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk mencapai kesempurnaan. Meskipun istilah-istilah yang digunakan bagi tujuh prinsip tersebut mempunyai perbezaan (kamal, kamil, akmal, takamul, takmilah, istikmal), semuanya adalah berasal daripada akar kata sifat Kamal (sempurna) yang daripadanya dibina istilah ‘takmilah’ (Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. 2014:84). Berdasarkan petikan di atas, dapat dirumuskan bahawa pendekatan takmilah yang telah melakukan pemurnian terhadap pelbagai sifat yang penting yang ada dalam agama Islam secara holistik. Usaha sedemikian akan membantu khalayak khususnya golongan penyelidik untuk meneliti dan menyerahkan lagi kajian yang mempunyai nilai-nilai Islam secara sistematik. Namun, kajian ini hanya menekankan aspek pendidikan ilmu dengan teks sastera yang mengangkat sifat Takamul iaitu sifat-sifat yang menganjurkan manusia kearah kebaikan. Prinsip Ilmu dengan Sastera yang bersifat Takmilah atau Menyempurnakan.

Prinsip Ilmu dengan Sastera yang bersifat Takmilah atau Menyempurnakan

Usaha memantapkan konsep takamul dalam teori Takmilah telah dilakukan oleh Shafie Abu Bakar melalui cara mengaitkan konsep tersebut dengan kepentingan ilmu dalam bidang sastera. Shafie Abu Bakar (1997:135) prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul adalah sebuah prinsip yang mengaitkan soal akal dan hati kerana menerusi agama Islam, akal menjadi medium utama dalam usaha memperolehi ilmu dan hati pula berperanan untuk menjadi saluran ke arah bentuk-bentuk ilmu yang bersifat kerohanian, dikenali sebagai makrifat. Justeru, dapat dirumuskan bahawa sifat kelimuan Islam dan bidang sastera saling memerlukan antara satu sama lain bagi melahirkan karya-karya yang berkualiti dalam pelbagai aspek khususnya dalam konteks ilmu yang bermanfaat dan karya yang menepati ciri-ciri Islam sejati.

Dalam konteks sastera, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takmilah atau menyempurnakan ini boleh dikenakan pasti kehadirannya melalui penghasilan karya-karya sastera tidak kiralah dalam bentuk prosa maupun puisi yang telah mengangkat persoalan-persoalan ketuhanan. Hal ini kerana, karya yang berbentuk sedemikian pastinya mengetengahkan ilmu agama sebagai pokok utama perbincangan dan juga mesej yang ingin diketengahkan. Namun, harus ditegaskan bahawa perbincangan berkaitan elemen keburukan menerusi kajian ini juga merupakan salah satu unsur mesej yang berbentuk pendidikan kepada masyarakat iaitu berbentuk peringatan bersama secara tersirat. Dengan wujudnya penerapan ilmu-ilmu agama yang mendorong manusia mengingati tuhan dan ilmu agama telah menjadikan karya-karya sastera tersebut memiliki sifat takamul terhadap ilmu dan secara langsungnya ilmu pula bersifat takamul kepada teks yang dihasilkan. Justeru, melalui konteks sastera, pengaplikasian prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takmilah ini dapat menghubungkan peran ilmu dan sastera yang bertujuan untuk menuju kearah kesempurnaan karya itu sendiri dan kesempurnaan khalayak penerima karya.

Dapatan Kajian

Analisis Pemupukan Akhlak Dalam Puisi

Menurut Samsul Munir Amin, (2011:1) akhlak merupakan sesuatu sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang manusia dan akhlak lahir daripada perbuatan yang spontan tanpa memerlukan pertimbangan serta pemikiran. Sekiranya sesuatu perbuatan tersebut melahirkan tindakan yang baik, ia disebut sebagai satu akhlak mahmuddah, iaitu akhlak terpuji. Manakala, sekiranya sesuatu perbuatan tersebut merupakan tindakan yang negatif maka ia dianggap sebagai akhlak tercela ataupun mazmumah. Hal ini dapat membuktikan bahawa akhlak terbahagi kepada dua jenis iaitu akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah. Menurutnya lagi, akhlak merupakan sesuatu sifat yang tertanam di dalam jiwa seseorang yang menampilkan perbuatan-perbuatan dengan senang tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian.

Akhhlak Mahmuddah

Menurut Nadhiroh & Yahdinil Firda, (2015:11), secara etimologinya akhlak mahmuddah merupakan sesuatu akhlak yang terpuji serta mulia. Perkataan mahmuddah berasal daripada perkataan ‘hamidah’ yang bermaksud dipuji. Akhlak mahmudah juga boleh disebut sebagai akhlak yang mulia serta dapat menyelamatkan pelakunya daripada menerima balasan daripada Allah. Jelaslah, bahawa akhlak mahmuddah merupakan tingkah laku yang terpuji dan ia juga merupakan tanda kesempurnaan iman seseorang terhadap penciptanya. Antara akhlak terpuji yang dinelapsi adalah ikhlas dan amanah. Buktinya;

Ikhlas

Ikhlas merupakan salah satu elemen positif yang perlu ada di dalam diri setiap manusia yang bernafas di muka bumi ini. Menurut Galigo *et.al* (2005:3), perkataan ikhlas berasal daripada perkataan arab, iaitu *khalasha* yang membawa maksud mensucikan niat hanya semata-semata mencari keredhaan Allah SWT Ikhlas juga merujuk kepada sesuatu amalan mahupun perbuatan baik yang dilakukan tanpa meminta balasan daripada manusia. Ikhlas yang sebenar-benarnya wujud dalam diri seseorang manusia apabila seseorang individu tersebut tidak menjadi hamba kepada hawa nafsu manusia sebaliknya ia mengabdiikan dirinya hanya untuk mendapat keredhaan serta rahmat daripada Allah SWT.

Elemen ini juga dapat dilihat pada rangkap kedua puisi yang bertajuk; Perihal Ahli Sufi’, iaitu:

Ada dua perkara yang dijagai oleh ahli sufi
Hati yang suci dan amal yang suci
Tanpa keduanya tersisihlah dia dari jalannya ini
Ilahi dijadikanya kekasih diri
Tidaklah dia mementingkan diri sendiri
Yang dipentingkannya ialah kasih sayang Ilahi
Dia gembira dalam derita kerana Ilahi
Dia melihat segala dengan mata hati

(Suhaimi Haji Muhammad, 1995:160)

Melalui puisi di atas, dapat dilihat Suhaimi Haji Muhammad menerapkan elemen ikhlas di dalam watak seorang ahli sufi yang mengerjakan segala kebaikan hanya untuk mendapat keredhaan Allah. Hal ini membuktikan bahawa pengarang cuba menerapkan elemen ikhlas di dalam watak seorang alim ulama yang digelar sebagai ahli sufi kerana beliau merupakan seorang yang mengorbankan hidupnya hanya untuk mendapat kasih sayang dari Allah. Menurut Asmiaty Amat (2014:1) teori takmilah diperkenalkan

oleh Shafie Abu Bakar, teori ini mengangkat sifat tauhid dalam sesebuah karya. Pengaplikasian teori tersebut dapat membuktikan bahawa puisi Suhaimi Haji Muhammad dikategorikan sebagai puisi yang berunsurkan agama dan kerohanian. Melalui kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa prinsip-prinsip takmilah seperti ketuhanan, kerasulan, keislaman dan keilmuan memang menjadi dasar kepada penciptaan puisi-puisi yang dihasilkan oleh Suhaimi Haji Muhammad.

Nilai amanah

Menurut Imam Al-Ghazali menerusi kitab terjemahan *Ihya' Ulumiddin* (2016:2) menyatakan bahawa amanah bermaksud perintah Allah yang perlu ditunaikan oleh hambanya dan amanah yang diberikan haruslah digalas dengan penuh rasa tanggungjawab. Dari sudut bahasa pula, amanah membawa maksud yang berlawanan dengan perkataan *khinayah* yang bermaksud kianat dan tidak setia kepada sesuatu yang telah diamanahkan. Allah memberikan amanah kepada hambanya dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh, Allah SWT telah emmagnugerahkan rezeki anak kepadasetiap insan yang bergelar ibu bapa dan insan yang dikendaki-NYA. Setiap bayi yang baru lahir ke dunia diibaratkan seperti kain putih, tanpa dosa dan ibu bapalah yang bertanggungjawab untuk mencorak atau mendidik anak mereka ke arah jalan kebaikan. Hal ini kerana, anak yang dikurniakan adalah tanggungjawab dan amanah daripada Allah SWT untuk hamba yang dikehendaki-NYA.

Selain itu, menurut Syar Hud-d dalam Dalimunthe, R. P. (2016:8) menyatakan amanah merupakan suatu perkara yang mengangkut hak Allah SWT atau hak manusia dan ini menyebakan setiap amanah yang dipertanggungjawabkan harus dilaksanakan secara professional. Justeru, elemen amanah merupakan elemen yang penting dalam diri setiap muslim bagi melaksanakan tugas ataupun tanggungjawab. Islam secara terperincinya menjelaskan amanah merupakan sebuah kewajipan yang seharusnya saling mewasiatinya dan meminta pertolongan Allah SWT untuk menjaganya (Abidin, Z., & Khairudin, F., 2017:120). Sehubungan dengan itu, elemen amanah ini haruslah berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah agar memperoleh kesejahteraan dan keberkatan dunia dan di akhirat. Apabila seseorang itu memiliki sifat amanah dalam dirinya, ia secara tidak langsung mewujudkan aura positif amanah. Sifat ini juga banyak ditekankan di dalam ayat Al-Qur'an untuk memberi panduan kepada umat Islam tentang kepentingan nilai amanah terutamanya dalam pembentukan akhlak. Sebagai contoh pada rangkap satu dalam puisi 'Dari Amanah Manusia Mencapai Kebaikan' iaitu:

Ilmu yang telah diberikan kepada anda
Sudahkah kau ajar kepada orang yang memerlukannya
Agar orang lain mendapat manfaat daripadanya
Dan Allah mengurniakan rahmat yang tidak terhingga.

(Suhaimi Haji Muhammad, 1995:120)

Melalui rangkap di atas, jelas menunjukkan bahawa pentingnya elemen amanah kepada seseorang individu. Pengarang Suhaimi Haji Muhammad menyatakan bahawa sifat amanah juga merupakan sesuatu amalan yang penting dalam pembentukan akhlak manusia. Pengarang juga telah menyentuh kepentingan elemen amanah ini lebih daripada tujuh buah puisi di dalam karyanya. Hal ini terbukti bahawa elemen amanah penting kepada manusia dan amanah juga merupakan tanggungjawab yang harus dipikul oleh manusia untuk mendapat ganjaran syurga. Beliau juga menyentuh amanah ibu bapa dalam menjaga anaknya dan amanah seorang guru dalam menyebarkan ilmu.

Pengarang menerapkan prinsip kerasulan insan kamil untuk menganalisis elemen amanah. Prinsip kerasulan insan kamil merupakan prinsip kedua yang terdapat di dalam teori takmilah. Prinsip ini mempunyai kaitan dengan kesempurnaan seseorang insan. Ini kerana perkataan kamil itu sendiri membawa erti kesempurnaan. Sifat ini kebiasaanya dikaitkan dengan peribadi mulia yang terdapat di

Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhammad Berdasarkan Teori Takmilah

dalam diri Rasullullah. Menurut Shafie Abu Bakar, (1997;133) di dalam prinsip ini terdapat tiga konsep ideal keinsanan iaitu, ‘insan kamil, insan khalifah dan insan rabbani’. Insan khalifah merujuk kepada kemampuan insan sebagai pemimpin di bumi Allah yang memiliki keilmuan dan keperibadian yang mulia. Insan yang bergelar khalifah juga perlu memiliki kerohanian yang tinggi sehingga dapat digelar rabbani.

Sebagai contoh, di dalam puisi Suhaimi Haji Muhammad, beliau mencontohi sifat yang dimiliki oleh Rasullullah yang mempunyai akhlak yang mulia dan jujur dalam melakukan sesuatu perkara sehingga baginda digelar sebagai ‘Al-Amin’. Keperibadian Rasullullah merupakan keperibadian yang sudah mencapai tahap insan kamil iaitu keperibadian yang amat sempurna. Merujuk puisi di atas, Suhaimi Haji Muhammad mengaplikasikan satu daripada sifat mulia yang terdapat dalam diri Rasulullah iaitu amanah. Beliau juga menerapkan betapa pentingnya elemen akhlak tersebut di dalam kehidupan manusia. Pengarang juga menyatakan seseorang yang mendapat ganjaran daripada Allah seharusnya mencontohi akhlak dan keperipadian mulia yang dipaparkan oleh Rasullullah sehingga ia menjadi nabi junjungan umat Islam sehingga masa kini.

Akhhlak Mazmumah

Menurut Nurjanah, K. (2019:6), akhlak mazmumah merupakan akhlak yang buruk akhlak ini tercermin daripada tutur kata, dan tingkah laku serta sikap yang tidak baik daripada seseorang. Selain menjaga akhlak mahmudah, seorang muslim juga harus menghindari akhlak mazmumah. Akhlak Mazmumah juga merupakan akhlak yang tercela dan ia juga merupakan perbuatan yang buruk terhadap Allah dan juga sesama makhluk. Antaranya amalan mengumpat dan takbur.

Mengumpat

Ghibah atau mengumpat merupakan satu perkara yang amat dilarang dalam Islam. Sebagaimana Sabda Rasulullah SAW bermaksud: “Awaslah daripada mengumpat kerana mengumpat itu lebih berdosa daripada zina. Ghibah ataupun mengumpat juga bermaksud memperkatakan sesuatu tidak benar dan akan menyakitkan hati orang yang mendengarnya. Dalam firman Allah s.w.t mengatakan bahawa sifat mengumpat adalah sesuatu sifat yang keji dan hina di sisinya. Hal ini dapat dilihat apabila, seseorang yang mengumpat saudaranya sendiri diibaratkan orang yang memakan daging mayat saudara mereka sendiri. Ghibah bukan sekadar umpatan sahaja, malah perbuatan ghibah boleh dizahirkan dalam pelbagai bentuk seperti melirik mata, mencebik bibir mulut serta mengangkat alis mata. Hal ini dapat disimpulkan apa sahaja perbuatan yang dapat menzahirkan maksud merendah-rendahkan atau mengejek seseorang adalah tergolong sebagai perbuatan ghibah

Sebagai contoh dalam puisi tersebut juga Suhaimi menyatakan bahawa Allah melarang orang muslim bersekongkol dengan orang yang suka membuat sumpah kepada orang lain. Ini dapat dilihat pada puisi ‘Definisi Mengumpat ‘rangkap pertama.

Mengumpat adalah memburuk-burukkan peribadi seseorang
Menjatuhkan kehormatan diri seseorang
Meski yang kau cerita kebenaran adanya
Dia berasa terhina dan menaikkan amarahnya

(Suhaimi haji Muhammad,1995; 168)

Melalui petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa Suhaimi Haji Muhammad menceritakan mengenai orang yang suka menyatakan tentang keburukan seseorang apabila mereka mendengarnya dia

akan marah dan kecewa, biarpun yang dimaksudkannya betul. Suhaimi Haji Muhammad menyatakan bahawa mengumpat ialah merujuk kepada seseorang yang suka menceritakan keburukan orang lain tanpa pengetahuannya. Kesan mengumpat ini juga, dapat menjatuhkan maruah diri seseorang dan akan berasa dirinya terhina dalam kalangan segelintir masyarakat.

Takbur (Al-Kibru)

Perkataan takbur berasal daripada bahasa arab takbarra yang membawa maksud sompong. Sifat tersebut merupakan salah satu sifat yang tercela dan dibenci oleh Allah s.w.t. Menurut hadisnya, Rasulullah SAW mendefinisikan “takbur” sebagai sikap menolak kebenaran dan merendahkan orang lain. HR. Muslim menerusi Tho'in, M. (2016:64) Sabda Nabi “Sesungguhnya Allah itu indah dan mencintai keindahan. Takbur adalah menolak kebenaran dan meremehkan orang lain”. Takbur juga merupakan salah satu sifat yang tercela serta meliputi sikap yang menyombongi diri sehingga tidak mahu mengakui keesaan Allah. Sifat takbur akan memberi kesan buruk terhadap seseorang apabila seseorang melakukan kebaikan kepada orang lain hanya untuk mendapat pujian daripada orang lain dan melakukan ibadat hanya untuk menunjuk-nunjuk segala perbuatan baik dan amal ibadah yang dikerjakan tidak diterima di sisi di Allah. Seseorang yang mempunyai sifat takbur di dalam dirinya akan sentiasa merendahkan orang lain di sekelilingnya kerana ia menganggap kekuasaan, kedudukan, kecantikan, ilmu, harta yang dimiliki olehnya lebih daripada orang lain. Sifat takbur akan menyebabkan seseorang itu dibenci oleh masyarakat sekeliling serta akan memutuskan ukhwah di dalam kalangan muslim.

Ini dapat dilihat melalui puisi ‘Amaran Tuhan Supaya Manusia Jangan Angkuh’. Puisi ini menerangkan bahawa kekuasaan manusia amat daif maka, pengarang menyarankan manusia janganlah bersifat takbur sesama insan terutamanya kepada manusia yang lemah dan mempunyai kekurangan. Ini dapat dilihat di dalam rangkap pertama

Apabila menjalankan tindakan, berharap kau jangan
Hanya kepada kebijaksanaan dan kekuasaan dirimu
Tetapi berharaplah kepada tuhanmu
Kekuasaannya mencipta langit dan bumi
Tunduk pada keagungannya
Bukannya bongkak merasa nikmatnya

(Suhaimi Haji Muhammad, 1995; p258)

Menerusi puisi di atas dapat dilihat bahawa, pengarang menerapkan sifat takbur di dalam karyanya untuk menasihati khayalak agar tidak bersifat sompong dan angkuh dengan kebijaksanaan dan kelebihan yang dikurniakan oleh Allah kepadanya. Beliau juga menyatakan apabila kita melakukan diberi kuasa untuk mentadbir janganlah kita lupa akan kekuasaanya kerana kita adalah insan yang hina di sisinya.

Prinsip terakhir yang akan diaplikasikan terhadap puisi Suhaimi Haji Muhammad ialah prinsip hubungan takmilah dengan khayalak yang memupuk ke arah insan kamil. Menurut Rosnani Ripin (2017:13) menerusi artikelnya ‘Analisis Teori Takmilah; Novel Fikrah Saleha’ prinsip ini memberi penekanan terhadap hubungan karya dengan khayalak dengan meneliti kemampuan sesebuah karya yang dihasilkan itu dapat memupuk khayalak ke arah insan kamil. Khayalak dalam konteks teori takmilah merupakan sambutan pembaca atau pengkaji terhadap sesebuah karya sastera yang dikemukakan oleh seseorang penulis dengan nilai-nilai kebaikan yang mengarahkan kepada keinsafan. Di dalam puisi di atas, Suhaimi Haji Muhammad mengangkat tentang akhlak mahmudah di dalam karyanya untuk memberi pengajaran kepada khayalak supaya tidak sompong dan angkuh terutamanya kepada pencipta. Ia juga untuk menjadi pedoman dalam seluruh aspek kehidupan manusia. Sifat negatif yang ditonjol oleh Suhaimi Haji Muhammad bertujuan untuk memberi pengajaran serta menyampaikan unsur dakwah

Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhammad Berdasarkan Teori Takmilah

kepada khalayak. Sebagai khalayak pembaca, puisi di atas ini dapat memberi kesedaran kepada pembaca terutamanya dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Malah, puisi ini juga mampu mendidik pembaca menjadi manusia yang berperbadai mulia. Pembaca dapat menjadikan puisi di atas sebagai panduan dan iktibar dalam mencapai kesempurnaan dirinya sebagai muslim sejati.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya Suhaimi Hj. Muhammad telah berjaya menegentengahkan elemen akhlak terpuji dan tercela menurut perspektif Islam menerusi kumpulan puisi yang dihasilkan. Pemilihan teori yang tepat telah memudahkan lagi proses mengesan nilai akhlak mahmudah menerusi puisi-puisi terpilih dan ini memudahkan untuk masyarakat memahami konsep akhlak mazmumah dan mahmudah menurut sudut pandang Islam. Selain itu, penelitian ini juga diyakini mampu untuk dijadikan panduan kepada masyarakat untuk membezakan perkara hak dan batil dalam kehidupan mereka. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran kepada pengkaji lain dalam melihat karya Suhaimi Haji Muhammad sebagai salah satu kajian yang menarik dan dapat diteruskan oleh pengkaji lain dalam mengkaji sudut yang berbeza. Melalui perbincangan yang dilakukan serta saranan dan cadangan dapat memberikan impak permulaan kepada pengkaji lain dalam melakukan kajian yang lebih mendalam mengenai puisi ini.

RUJUKAN

- Nasir, S. A. N. A. (2016). *Perkembangan Pendidikan Islam Pada Masa Daulah Fatimiyah. Al'Adalah. Jurnal Kajian Keislaman dan Kemasyarakatan*, 5(3), (47-56).
- Shafie Abu Bakar. (1994). ‘Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip.’ Dalam Mana Sikana (ed.). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. (1997). ‘Estetika dalam Takmilah.’ Dalam Mana Sikana (ed.). *Pembangunan Seni dan Sastera*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazali. 2016. “*Ihya Ulumiddin*” Juz. 3 dalam H. Samsul Munir Amin, “*Ilmu Akhlak*”. Cet. 1; Jakarta: Amzah.
- Galigo, S. B. A., Razali, W. M. F. A. W., Noor, K. M., & Abdullah, R. (2005). *Membangun Masyarakat Moden Yang Berilmu dan Berakhlik. Nilai, Negeri Sembilan*: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nadhiroh, Yahdinil Firda. (2015). Pengendalian Emosi (Kajian-ReligioPsikologis tentang Psikologi Manusia). *Jurnal Saintifika Islamic* 2(1), 118-132.
- Suhaimi Hj. Muhammad. (2006). *Kumpulan Puisi As-Salam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Shahidan, M. (2001). Penjabaran semiotik dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad. *Doctoral dissertation*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Bado, A., Abdul, A. H., & Ali, A. H. (2018). Unsur-unsur Akidah dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 58-70.
- Mz, S. R. (2018). Akhlak Islami Perspektif Ulama Salaf. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 7(01), 67-100.
- Jannah, M. (2019). Metode Dan Strategi Pembentukan Karakter Religius Yang Diterapkan Di Sdtq-T an Najah Pondok Pesantren Cindai Alus Martapura. *Al-Madrasah: Jurnal Pendidikan Madrasah Ibtidaiyah*, 4(1), 77-102.
- Nurjanah, K. (2019). Analisis Akhlak Mahmudah dan Mazmumah pada Novel the Romance Karya Habiburrahman El Shirazy sebagai Alternatif Bahan Ajar di Sekolah Menengah Atas. *Doctoral dissertation*. Kabupaten Lampung Utara: Universitas Muhammadiyah Kotabumi.
- Tho'in, M. (2016). Larangan Riba Dalam Teks Dan Konteks (Studi Atas Hadits Riwayat Muslim Tentang Pelaknatan Riba). *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 2(02), 63-72.
- Dalimunthe, R. P. (2016). Amanah dalam Perspektif Hadis. *Diroyah: Jurnal Studi Ilmu Hadis*, 1(1), 7-16.
- Abidin, Z., & Khairudin, F. (2017). Penafsiran Ayat-ayat amanah dalam Al-Qur'an. *SYAHADAH: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Keislaman*, 5(2), 120-144.
- Zulkiflee, Z. (2022). Ragam Bahasa Komen Instagram Berkaitan Berita Palsu Situasi Gelombang Kedua Pandemik COVID-19. *PENDETA*, 13(1), 22-32.

Amat, A. B. (2021). Hubungan etnik di Sabah: Satu kajian terhadap cerpen-cerpen terpilih penulis Sabah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 44-54.